

KESEDIAAN GURU DAN PELAKSANAAN PENGAJARAN TINGKATAN  
ENAM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUAR

NOR AZNIZAH BINTI KASMANI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2013

## DEDIKASI

Khas buat suami tercinta, Ezharudin Bin Daud. Terima kasih atas sokongan, kesabaran dan pengorbanan yang diberikan. Tidak lupa kepada kedua ibu bapa, Kasmani Bin Mansor & Azizah Binti Samad. Terima kasih atas doa yang dititipkan dan kasih sayang yang ditunjukkan. Ibu bapa mertua, Daud Bin Jariman dan Ngatipah Binti Suliman, Adik-adik, Siti Nor Aishah Kasmani, Norazira Daud & Sarah Afiqah Daud, Terima kasih atas dorongan dan doa kalian. Tidak lupa juga rakan-rakan sekumpulan, Nor Adiny, Isidora Alexander, Zaharah dan 'Ayunni, terima kasih dan tahniah atas kejayaan kita bersama berkat usaha dan kesabaran menempuh pelbagai dugaan. Juga buat rakan-rakan sekuliah yang lain. Khas buat pensyarah penyelia yang dikasihi, Dr. M. Al- Muz-zammil bin Yasin, terima kasih atas segala nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta ilmu yang dicurahkan kepada kami. Semoga Allah membalas jasa kalian semua.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Saya juga ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. M. Al-Muz-zammil Bin Yasin kerana telah banyak membimbing dan membantu saya menjalankan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada pengetua-pengetua sekolah yang terlibat kerana telah memberikan kebenaran untuk saya menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah mereka. Kepada guru-guru yang sudi menjawab borang soal selidik yang diberikan serta guru-guru yang sudi ditemubual, terima kasih atas kerjasama

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

## ABSTRAK

Penyelidikan ini telah dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah menengah daerah Muar. Kajian ini berbentuk '*mixed methods*' iaitu gabungan antara kaedah kuantitatif dan kualitatif. Populasi kajian terlibat adalah seramai 198 orang yang merupakan guru-guru Tingkatan Enam daripada 18 buah sekolah menengah daerah Muar yang mempunyai pelajar-pelajar Tingkatan Enam. Sampel kajian bagi mod penyelidikan kuantitatif telah dipilih secara rawak mudah iaitu melibatkan sampel seramai 118 orang responden manakala empat orang responden dipilih secara tidak rawak bertujuan bagi mod penyelidikan kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set borang soal selidik bagi mod kuantitatif dan satu set instrumen temubual bagi mod penyelidikan kualitatif. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan peratusan kekerapan dan ukuran min dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS) Version 20.0*. Data daripada temubual yang telah dirakam ditranskripkan sebelum dianalisis secara manual. Secara puratanya, min bagi ketiga-tiga persoalan kajian yang diperolehi daripada dapatan soal selidik adalah tinggi. Bagi aspek kesediaan guru, min yang tinggi menunjukkan tahap kesediaan guru-guru Tingkatan Enam adalah tinggi. Bagi aspek pelaksanaan pengajaran pula, min yang tinggi menunjukkan guru-guru bersetuju dengan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan kesediaan guru dan halangan-halangan yang mengganggu pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan tindakan untuk masa akan datang telah diutarakan bagi menambah baik penyelidikan ini.

## ABSTRACT

This research was conducted to identify the level of readiness for the teachers and the implementation of Sixth Form teaching in secondary schools in Muar. This research is a mixed methods which is a combination of quantitative and qualitative methods. The population involved in this study was a total of 198 which is the Sixth Form teachers from 18 secondary schools in Muar with Sixth Form students. The sample for quantitative research mode was selected randomly involving a sample of 118 respondents, while four respondents were selected non randomly for qualitative research mode. The instrument used was a set of questionnaires for quantitative modes and one set of interviews for qualitative research mode. The data obtained from the questionnaires were analysed using descriptive statistics and a measure of the percentage frequency and min were analysed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 20.0. Data recorded from the interviews were manually transcribed before analysis. On average, the mean of the three research questions derived from the results of the questionnaire is high. For the aspects of teachers' readiness, high mean indicates that the readiness of the sixth form teachers was high. For the aspects of teaching, the high mean shows that teachers agreed with the things that can be done by the management to increase teachers' readiness and the barriers that interfere with the implementation of the well teaching of Sixth Form. Based on the findings, some recommendations for future action were aired to improve this research.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL KAJIAN</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Penyataan Masalah	14
	1.4 Objektif Kajian	16
	1.5 Persoalan Kajian	17
	1.6 Kepentingan Kajian	17
	1.7 Batasan Kajian	19
	1.8 Definisi Operasional	19
	1.8.1 Pengajaran Tingkatan Enam	20

	1.8.2	Guru-guru Tingkatan Enam	20
	1.8.3	Kesediaan Guru	20
	1.8.4	Pelaksanaan Pengajaran	21
	1.8.5	Perkara-Perkara Yang Boleh Dilakukan Oleh Pihak Pengurusan	21
	1.8.6	Halangan Dalam Melaksanakan Pengajaran Tingkatan Enam Dengan Baik	21
	1.8.7	Guru-Guru Baharu	21
	1.8.8	Beban Tugas	22
	1.8.9	Arus Perdana	22
	1.8.10	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	22
	1.8.11	Sistem Modular	22
	1.9	Penutup	23
<b>2</b>		<b>SOROTAN KAJIAN</b>	24
	2.1	Pengenalan	24
	2.2	Tingkatan Enam	24
	2.2.1	Pengurusan Tingkatan Enam	25
	2.2.2	Pengajaran Tingkatan Enam	27
	2.3	Teori, Konsep dan Model	28
	2.3.1	Konsep Pengajaran	28
	2.3.2	Konsep dan Hukum Kediaan	29
	2.4	Kajian-kajian Lepas	30
	2.4.1	Kesediaan Guru	31
	2.4.2	Pelaksanaan Pengajaran	38
	2.5	Penutup	42
<b>3</b>		<b>METODOLOGI</b>	43
	3.1	Pengenalan	43
	3.2	Reka bentuk kajian	43
	3.3	Populasi dan Sampel Kajian	44
	3.4	Instrumen Kajian	46
	3.4.1	Borang Soal Selidik	46

	3.4.2 Instrumen Temubual	52
3.5	Kesahan Item	52
	3.5.1 Kajian Rintis	53
3.6	Analisis Data	55
3.7	Prosedur Kajian	56
3.8	Analisis Kebolehpercayaan Kali Kedua	59
3.9	Penutup	60
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>61</b>
4.1	Pengenalan	61
4.2	Analisis Borang Soal Selidik	62
	4.2.1 Bahagian A: Analisis Data Latar Belakang Responden	62
	4.2.2 Bahagian B: Analisis Dapatan Persoalan Kajian	65
	4.2.2.1 Analisis Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Pertama: “Sejauhmanakah kesediaan Guru-guru Tingkatan Enam untuk melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula di sekolah menengah daerah Muar?”	66
	4.2.2.2 Analisis Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Ketiga: “Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajaran Tingkatan Enam bermula?”	70
	4.2.2.3 Analisis Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Keempat: “Apakah yang menghalang guru-guru daripada melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik?”	74
4.3	Analisis Instrumen Temubual	78
	4.3.1 Bahagian A: Analisis Temubual Bagi Persoalan Kajian Kedua: “Apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam?”	78



4.3.2	Bahagian B: Analisis Temubual Bagi Persoalan Kajian Kelima: “Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah menengah daerah Muar?”	83
4.4	Rumusan Analisis Data	87
4.4.1	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian Pertama: “Sejauhmanakah kesediaan Guru-guru Tingkatan Enam untuk melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula di sekolah menengah daerah Muar?”	88
4.4.2	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian Kedua: “Apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam?”	89
4.4.3	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian Ketiga: “Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajaran Tingkatan Enam bermula?”	90
4.4.4	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian Keempat: “Apakah yang menghalang guru-guru daripada melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik?”	91
4.4.5	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian Kelima: “Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah menengah daerah Muar?”	93
4.5	Penutup	94

<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>95</b>
5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan Kajian	95
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	97
5.3.1	Perbincangan Hasil Soal selidik	97
5.3.1.1	Perbincangan Latar Belakang Responden	98
5.3.1.2	Perbincangan Hasil Dapatan Persoalan Kajian	99
	Pertama: “Sejauhmanakah kesediaan Guru-guru Tingkatan Enam untuk melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula di sekolah menengah daerah Muar?”	
5.3.1.3	Perbincangan Hasil Dapatan Persoalan Kajian	101
	Ketiga: “Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajaran Tingkatan Enam bermula?”	
5.3.1.4	Perbincangan Hasil Dapatan Persoalan Kajian	104
	Keempat: “Apakah yang menghalang guru-guru daripada melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik?”	
5.3.2	Perbincangan Hasil Temubual	106
5.3.2.1	Perbincangan Hasil Dapatan Persoalan Kajian	107
	Kedua: “Apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam?”	
5.3.2.2	Perbincangan Hasil Dapatan Persoalan Kajian	110
	Kelima: “Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah menengah daerah Muar?”	

5.4	Implikasi Kajian	113
5.4.1	Implikasi kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	114
5.4.2	Implikasi kepada pihak pengurusan sekolah	114
5.4.3	Implikasi kepada guru-guru Tingkatan Enam	115
5.4.4	Implikasi kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam	115
5.5	Cadangan Tindakan	115
5.5.1	Cadangan tindakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	116
5.5.2	Cadangan tindakan kepada pihak pengurusan sekolah	117
5.5.3	Cadangan tindakan kepada guru-guru Tingkatan Enam	118
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	119
5.7	Penutup	120
	<b>RUJUKAN</b>	121
	<b>LAMPIRAN</b>	132

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Nombor rawak yang dijana untuk tujuan kajian	45
Jadual 3.2	Populasi dan sampel kajian berdasarkan sekolah	45
Jadual 3.3	Format Borang Soal Selidik	47
Jadual 3.4	Skala Likert Lima Mata bagi tahap kesediaan guru	47
Jadual 3.5	Sumber pembinaan item soal selidik kesediaan guru	48
Jadual 3.6	Pembinaan item soal selidik berkaitan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan	49
Jadual 3.7	Pembinaan item soal selidik berkaitan perkara-perkara yang menghalang guru-guru daripada melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik	51
Jadual 3.8	Item-item dalam instrumen temubual	52
Jadual 3.9	Pekali kebolehpercayaan soal selidik	54
Jadual 3.10	Item-item soal selidik yang dipinda	54
Jadual 3.11	Pekali kebolehpercayaan soal selidik	59
Jadual 4.1	Taburan responden mengikut jantina	62
Jadual 4.2	Taburan responden mengikut bangsa / ras	63
Jadual 4.3	Taburan responden mengikut tempoh mengajar	63
Jadual 4.4	Taburan responden mengikut tempoh mengajar Tingkatan Enam	64
Jadual 4.5	Taburan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	64
Jadual 4.6	Taburan responden mengikut pengkhususan Universiti	65
Jadual 4.7	Taburan responden mengikut pengkhususan subjek yang diajar	65
Jadual 4.8	Taburan tahap kesediaan guru	66

Jadual 4.9	Taburan perkara yang boleh dilakukan oleh pihak Pengurusan	70
Jadual 4.10	Taburan perkara yang menghalang pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik	74
Jadual 4.11	Rumusan analisis persoalan kajian pertama	88
Jadual 4.12	Rumusan analisis persoalan kajian kedua	89
Jadual 4.13	Rumusan analisis persoalan kajian ketiga	90
Jadual 4.14	Rumusan analisis persoalan kajian keempat	91
Jadual 4.15	Rumusan analisis persoalan kajian kelima	93

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Struktur Organisasi Sekolah	27
Rajah 2.2	Proses Pengajaran	28
Rajah 2.3	Halatuju Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Bestari	29
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual untuk Memahami Pengajaran dan Pembelajaran	33
Rajah 3.1	Carta alir prosedur dan langkah-langkah yang terlibat dalam kajian	58

## SENARAI SINGKATAN

AJK	-	Ahli Jawatankuasa
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
CA	-	<i>Cambridge Assessment</i>
GPK	-	Guru Penolong Kanan
ICT	-	<i>Information and Communication Technologies</i>
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPPK	-	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
LCD	-	<i>Liquid Crystal Display</i>
LDP	-	Latihan Dalam Perkhidmatan
MJM	-	Majlis Jemaah Menteri
MPM	-	Majlis Peperiksaan Malaysia
P & P	-	Pembelajaran dan Pengajaran
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
R	-	Rendah
S	-	Sederhana
S	-	Setuju
SKGM	-	Standard Kompetensi Guru Malaysia
SR	-	Sangat rendah
SS	-	Sangat setuju
ST	-	Sangat tinggi
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
STS	-	Sangat tidak setuju
T	-	Tinggi
TP	-	Tidak pasti
TS	-	Tidak setuju
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari KPM	133
	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari PPD	134
	Surat akuan pelajar UTM	135
B	Set Borang Soal Selidik	137
	Instrumen Temubual	144
	Transkrip Temubual	145
C	SPSS Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis	160
	SPSS Analisis Kajian Sebenar	165
	SPSS Analisis Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	175



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengajaran Tingkatan Enam telah mengalami revolusi yang pelbagai sejak sistem persekolahan Tingkatan Enam diperkenalkan di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan lebih 30 tahun yang lalu. Hal ini seiring dengan transformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan mutu sistem pendidikan di negara ini. Terbaru adalah pengenalan kepada sistem baharu Tingkatan Enam pada tahun 2012 apabila pada 4 Januari tahun yang sama, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) meluluskan pelaksanaannya di sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar-pelajar Tingkatan Enam bagi menggantikan sistem persekolahan terdahulu untuk sesi pengambilan tahun 2012/2013. Pengajaran dalam sistem ini telah pun berjalan selama satu penggal bagi pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah di mana mereka merupakan kohort pertama yang telah menduduki peperiksaan penggal pertama dari 5 hingga 8 November 2012 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Pengajaran Tingkatan Enam kini berfokuskan kepada tiga bahagian kurikulum berdasarkan kelompok tajuk atau berdasarkan kesesuaian bidang kajian disiplin berkenaan untuk mengisi tiga penggal iaitu Penggal 1, Penggal 2 dan Penggal 3 dalam tempoh pengajian selama satu setengah tahun. Peruntukan waktu pengajaran untuk setiap mata pelajaran adalah lapan waktu seminggu dan 40 minit setiap waktu. Sebelum diperkenalkan sistem baharu, tempoh pengajaran adalah sama iaitu selama satu setengah tahun, namun tempoh ini terdiri daripada Tingkatan Enam Bawah yang meliputi penggal kedua persekolahan serta Tingkatan Enam Atas yang meliputi penggal pertama dan penggal kedua persekolahan pada tahun

berikutnya (Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Pembangunan Komuniti, 2012). Di sini dapat dilihat bahawa pengajaran Tingkatan Enam kini masih tidak terganggu oleh tempoh persekolahan mengikut kalender persekolahan sedia ada, cuma pembahagian kurikulumnya sahaja berbeza mengikut kesesuaian dalam tiga penggal atau semester seperti yang dijalani oleh pelajar-pelajar di universiti mahupun kolej-kolej matrikulasi.

Pengajaran Tingkatan Enam juga menghadapi cabaran baru dalam aspek pentaksiran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kerana buat pertama kalinya Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan dalam hampir semua mata pelajaran pada tahun 2012 (\_\_\_\_\_, 2012). Daripada 23 mata pelajaran yang ditawarkan, 19 daripadanya terbahagi kepada dua kaedah pentaksiran iaitu PBS dengan wajaran 20% hingga 40% dan peperiksaan akhir berpusat dengan wajaran 60% hingga 80% (peratusan wajaran berbeza mengikut mata pelajaran). Hanya empat mata pelajaran yang tidak perlu menjalankan PBS iaitu Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Further Mathematics dan Literature in English. Sebelum ini, empat mata pelajaran sahaja yang menjalankan Pentaksiran Berasaskan Sekolah iaitu Computing, Physic, Chemistry serta Biology dan pelaksanaannya adalah sepanjang tempoh persekolahan selama satu setengah tahun. Justeru itu, hanya guru-guru bagi empat mata pelajaran ini telah sedikit sebanyak mengetahui kaedah PBS yang dijalankan kini, cuma perlu diberi lebih pendedahan kepada aspek-aspek baru pentaksiran yang diperkenalkan.

Selain daripada itu, pengajaran Tingkatan Enam pada masa kini perlu menekankan pelaksanaan PBS di sekolah. PBS merupakan kerja kursus yang terdiri daripada kerja projek, kajian luar dan kerja amali yang diperkenalkan kepada 19 mata pelajaran. Soalan atau tugas kerja kursus disediakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan dilaksanakan sama ada pada setiap penggal atau pada penggal tertentu sahaja mengikut keperluan mata pelajaran. Pemeriksaan PBS dibuat oleh guru mata pelajaran itu sendiri bagi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, manakala MPM akan menjalankan pemantauan dan penyelarasan di peringkat zon atau pusat. Pemeriksa PBS bagi sekolah swasta dan calon persendirian pula dilantik oleh MPM.

Bagi menjamin kualiti PBS, satu Garis Panduan PBS disediakan oleh MPM bagi setiap mata pelajaran untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua yang terlibat (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Dengan ini, guru-guru boleh mencapai maklumat berkenaan PBS dan seumpamanya dengan lebih mudah bagi mengaplikasikannya dalam pengajaran di sekolah.

Dalam pengajaran Tingkatan Enam, guru-guru perlu lebih bersedia kerana peperiksaan akhir berpusat ditadbirkan pada hujung setiap penggal dan keputusan peperiksaan akan dikeluarkan pada setiap penggal. Keputusan keseluruhan STPM ini adalah berdasarkan gabungan keputusan terbaik ketiga-tiga penggal. Jika dahulu peperiksaan akhir berpusat ditadbirkan hanya sekali pada hujung tahun persekolahan selama satu setengah tahun dan guru-guru mempunyai tempoh masa pengajaran yang panjang sebelum peperiksaan, namun kini ianya berbeza. Namun begitu, sistem penggredan peperiksaan masih sama dan tiada prasyarat kelulusan minimum untuk melayakkan pelajar mengikuti pengajian untuk penggal berikutnya (Kementerian pelajaran Malaysia, 2012). Oleh yang demikian, guru-guru perlu pantas menyesuaikan diri dengan situasi semasa bagi mengekalkan momentum pengajaran.

Dari segi standard dan pengiktirafan peperiksaan STPM, kandungan kurikulum dalam pengajaran Tingkatan Enam dahulu dan kini tidak berubah. Wakil *Cambridge Assessment* (CA), United Kingdom akan turut serta dalam Jawatankuasa Penetapan Darjah STPM ini bagi penentuan keputusan STPM. Wakil CA ini akan memberikan pandangannya mengenai analisis keputusan peperiksaan STPM bagi setiap kertas dan membuat keputusan bersama sebagai satu persetujuan dan pengiktirafan. Selain daripada itu, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia juga telah maklum tentang standard peperiksaan STPM ini (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Oleh itu, tidak ada isu yang timbul bagi mempertikaikan pengajaran guru dan standard serta pengiktirafan peperiksaan STPM pada masa kini kerana pada umumnya kandungan kurikulum adalah sama. Ibu bapa serta masyarakat tidak lagi perlu risau untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti pengajian Tingkatan Enam kelak.

Pengajaran Tingkatan Enam kini menyaksikan dimensi peperiksaan biasa di sekolah turut berubah. Penilaian bagi ketiga-tiga ini bersifat anjal di mana pelajar-pelajar dibenarkan untuk memperbaiki keputusan akhir Penggal 1 dan Penggal 2 dengan menduduki semula peperiksaan akhir bagi penggal berkenaan pada hujung Penggal 3 (hujung tahun) (Norliza, 2012). Di sini dapat dilihat bahawa pengajaran guru bagi setiap skop mata pelajaran sebenarnya berterusan selagi para pelajar belum meninggalkan alam persekolahan Tingkatan Enam. Tidak terbatas dalam penggal tertentu sahaja, para pelajar masih mempunyai peluang untuk mendapat keputusan yang lebih baik pada akhir pengajian berbanding sebelum ini di mana pelajar tidak berpeluang untuk memperbaiki keputusan mereka pada akhir tahun dan ini membataskan peluang mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pengajaran Tingkatan Enam menekankan aspek kemahiran insaniah (*soft skills*) yang diterapkan dalam kurikulumnya. Antara aspek-aspek tersebut ialah kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kepemimpinan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, pengurusan maklumat, etika dan sebagainya (, 2012). Hal ini selari dengan aspirasi Kementerian Pelajaran Malaysia yang menitikberatkan pendidikan berasaskan hasil yang lebih berfokuskan kepada pelajar dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa pengajaran Tingkatan Enam memerlukan satu anjakan paradigma yang mampu menambah baik sistem persekolahan pelajar-pelajar Tingkatan Enam di Malaysia.

Pengajaran dan pengurusan murid Tingkatan Enam diasingkan daripada Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di mana Guru Penolong Kanan (GPK) Tingkatan Enam bertanggungjawab terhadap semua urusan Tingkatan Enam dari segi Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum. Di samping GPK Tingkatan Enam, Guru Akademik Tingkatan Enam, Guru Amali Tingkatan Enam dan Guru Kokurikulum Tingkatan Enam juga bertanggungjawab terhadap bidang tugas masing-masing di dalam hal ehwal Tingkatan Enam (Jabatan Pelajaran Perak, 2009). Justeru di sini dapat dilihat bahawa pengajaran Tingkatan Enam tidak dapat

lari daripada bidang pengurusan di sekolah sebagaimana bidang pengurusan arus perdana.

Pengajaran Tingkatan Enam merupakan satu bidang tugas yang penting di dalam organisasi sekolah yang mempunyai kelas Tingkatan Enam. Melihat kepada senario Tingkatan Enam sejak akhir-akhir ini, guru-guru Tingkatan Enam dan semua yang terlibat dalam organisasi sekolah sepatutnya sedar tentang kepentingan pengajaran yang efektif dalam sistem pendidikan kini. Menurut Rusmini (2004), bagi organisasi pendidikan amalan-amalan terbaik adalah untuk menghasilkan sekolah yang berkesan. Bagi mendapatkan sekolah yang berkesan, amalan pengajaran yang terbaik perlu menjadi nadi dalam sistem persekolahan termasuklah Tingkatan Enam. Untuk tujuan itu, kajian tentang kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam ini dirasakan bertepatan dengan waktunya bagi membantu sekolah mencapai kecemerlangan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran di sekolah merupakan tonggak kepada kejayaan pelajar dan sesebuah sekolah. Namun begitu, kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam merupakan isu yang sangat jarang dibincangkan mahupun dikaji. Melihat kepada situasi semasa sistem persekolahan Tingkatan Enam atau Pra Universiti di negara ini, guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam dilihat tidak dapat lari daripada pelbagai masalah berkaitan pengajaran terutamanya daripada aspek kesediaan guru dan pelaksanaannya.

Guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam sering menghadapi masalah dalam aspek kesediaan ilmu pengetahuan sebelum memulakan pengajaran. Mereka perlu lebih bersedia kerana mata pelajaran yang diajar mempunyai skop yang lebih luas dan terperinci. Hal ini lebih ketara bagi guru-guru baharu kerana guru-guru baharu acapkali menghadapi kesukaran untuk menguasai fakta dan konsep dalam

silibus Tingkatan Enam di mana kebanyakannya melibatkan peringkat analisis iaitu peringkat yang tinggi dalam taksonomi Bloom (Gan Swee Liang, komunikasi peribadi, 30 November, 2012). Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rajendran (2001) di mana beliau mendapati bahawa guru-guru kurang berkeyakinan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi.

Pengajaran Tingkatan Enam kini telah menjadikan guru-guru terpaksa menghabiskan lebih banyak masa selain daripada mengulangkaji dan membuat persediaan untuk mengajar, mereka juga perlu membimbing pelajar menjalankan projek untuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Ini adalah kerana projek yang perlu dijalankan mirip kepada projek-projek di peringkat matrikulasi atau universiti walhal guru-guru tidak diberi pendedahan yang luas sebelum ini untuk membimbing pelajar menjalankan penyelidikan. Disebabkan itu, guru-guru terpaksa melipat gandakan persediaan kerana ilmu yang dimiliki masih belum mantap untuk berhadapan dengan pelajar dan ini disokong oleh dapatan kajian yang terbukti bahawa persediaan guru dalam subjek yang diajar memberi kesan kepada penyampaian dan pengajaran di dalam kelas (Wilson, Floden & Mundy, 2001). Apabila soalan pada peringkat analisis yang tinggi diajukan oleh pelajar dan tidak dapat dijawab dengan baik oleh guru disebabkan kurangnya persediaan dari aspek ilmu pengetahuan, para pelajar akan memberi pandangan yang sinis dan seolah-olah mempertikaikan kewibawaan guru (Abu Bakar, komunikasi peribadi, 29 November, 2012). Ini berlaku kerana pelajar-pelajar yang menuntut di Tingkatan Enam merupakan pelajar yang telah matang dan berfikiran jauh ke hadapan. Segala macam persoalan yang ditimbulkan memerlukan guru menyiapkan diri dengan perisai jawapan yang lebih mantap.

Kesediaan dalam menguasai ilmu dan pengajaran di Tingkatan Enam bukan sahaja menjadi isu bagi guru-guru baharu, malah guru-guru yang telah berpengalaman turut merasakan kesukarannya. Pernyataan ini disokong oleh Salleh (2003) dalam kajiannya yang mendapati bahawa guru yang berpengalaman tidak mempunyai pengetahuan yang kukuh tentang kandungan pelajaran manakala guru baharu pula mempunyai pedagogi yang terbatas dalam menentukan keberkesanan

pengajaran di bilik darjah. Jika guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam ini diberi pilihan untuk mengajar tingkatan yang lebih rendah seperti di Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima, sudah tentu mereka akan memilih tingkatan yang lebih rendah kerana kesukaran daripada aspek kesediaan ilmu pengetahuan akan berkurangan. Situasi ini menjadi lebih rumit apabila sistem pentaksiran baharu STPM diperkenalkan pada tahun 2012 kerana ada di antara aspek-aspek yang dinilai adalah perkara baharu dalam Tingkatan Enam (Noor Habsah, komunikasi peribadi, 29 November, 2012). Jika guru-guru tidak bersedia sepenuhnya, adalah sukar untuk memberikan jawapan kepada soalan-soalan aras tinggi yang dikemukakan oleh pelajar terutamanya bagi mereka yang pintar dan cemerlang di dalam kelas. Justeru dapat dilihat di sini bahawa guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam perlu membuat persediaan yang lebih walaupun mereka merupakan seorang guru yang berpengalaman.

Masalah kesediaan ini turut membelenggu guru-guru apabila sumber yang boleh membantu pelaksanaan pengajaran seperti buku-buku rujukan dari luar negara dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang lebih terkini tidak disediakan terutamanya oleh pihak sekolah (Hwang Lay Boon, komunikasi peribadi, 10 Mac, 2013). Seperti yang dibincangkan sebelum ini, skop dan topik dalam sukatan pelajaran Tingkatan Enam adalah lebih sukar dan memerlukan sumber rujukan serta bahan bantu untuk memudahkan pelaksanaan pengajaran. Apabila sumber-sumber ini gagal disediakan, adalah sukar bagi guru untuk mempersiapkan diri disebabkan harga bahan-bahan rujukan dan BBM ini sangat mahal. Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu menimbangkan untuk menyediakan lebih banyak bahan bantu untuk guru-guru Tingkatan Enam.

Selain daripada kesediaan ilmu pengetahuan, guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam juga mempunyai masalah daripada aspek kesediaan kemahiran mengajar lebih-lebih lagi dalam sistem STPM baharu ini (Hasimah, komunikasi peribadi, 22 Januari, 2013). Guru-guru yang tidak mempunyai kepakaran sebagai contoh untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai menghadapi masalah untuk menyampaikan pengajaran mereka kerana pengajaran Tingkatan Enam kini

amat menggalakkan kemahiran insaniah yang tinggi. Kajian menunjukkan bahawa jika seseorang guru diberikan bidang yang bukan dalam kepakaran mereka, guru-guru akan kekurangan idea untuk menjalankan sesuatu aktiviti kerana mereka tidak mempunyai kemahiran yang tinggi. Mereka lebih rela berjumpa dengan pengetua untuk menolak daripada mengajar dengan apa cara sekalipun (Schempp, Manross, K.S. Tan & Fincher, 1998). Ini berlaku kerana apabila guru-guru tidak mempunyai kemahiran mengajar yang tinggi, mereka tidak mampu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam kelas serta ketandusan idea untuk menjalankan aktiviti yang kreatif sesuai dengan pelajar-pelajar Tingkatan Enam yang lebih matang. Hal ini disokong oleh Rajendran (2001) yang menyatakan bahawa guru-guru perlu berusaha untuk menukar amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mereka supaya amalan-amalan tersebut benar-benar berbeza daripada amalan di kelas konvensional. Untuk tujuan itu, guru-guru perlu memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran pedagogi yang sesuai untuk melakukan perubahan tersebut.

Begitu juga dengan kemahiran menanda laporan PBS pelajar. Guru-guru mempunyai masalah dalam penandaan kerana kurang kemahiran disebabkan terdapat pelbagai aspek yang perlu dititik beratkan, namun mereka tidak dilengkapi dengan kemahiran penandaan yang mencukupi. Hal ini disokong oleh kajian Suto dan Shaw (2010) di mana guru-guru yang mengajar Pra Universiti menghadapi pelbagai cabaran dalam penandaan laporan projek pelajar terutamanya apabila berdepan dengan pelbagai aspek yang bercanggah dalam skema pemarkahannya di mana ganjaran diberikan kepada aspek kemahiran pelajar berbanding pengetahuan terhadap subjek tersebut. Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa kesediaan guru bukan sahaja penting terhadap ilmu pengetahuan atau kemahiran pedagogi tetapi juga perlu lebih bersedia dalam kemahiran penandaan laporan PBS.

Pengajaran Tingkatan Enam juga berdepan dengan masalah untuk menghabiskan silibus (Lau Chai Wee, komunikasi peribadi, 30 November, 2012). Ini adalah kerana pengajaran Tingkatan Enam yang dijalankan mengikut sistem penggal atau semester selama tiga penggal memerlukan pelajar menduduki peperiksaan pada akhir setiap penggal. Guru-guru mempunyai masalah untuk



menghabiskan silibus dalam sistem penggal ini kerana Tingkatan Enam masih berada di dalam sekolah yang sama dengan tingkatan lain di mana pada kebiasaannya waktu awal tahun merupakan waktu yang paling sibuk dengan aktiviti-aktiviti sekolah. Ini menyebabkan masa pengajaran Tingkatan Enam sering terganggu sehingga menyebabkan kelewatan untuk menghabiskan silibus walhal pelajar-pelajar perlu menduduki peperiksaan penggal kedua pada pertengahan tahun persekolahan.

Guru-guru juga menghadapi masalah untuk menghabiskan silibus jika sering keluar daripada sekolah atas tugas rasmi mahupun berkursus atau cuti sakit (Gan Swee Liang, komunikasi peibadi, 30 November, 2012). Hal ini berlaku kerana jika seseorang guru yang mengajar Tingkatan Enam tidak dapat hadir ke sekolah, guru tersebut perlu mencari waktu untuk menggantikan waktu mengajar yang tertinggal. Namun demikian, pengajaran Tingkatan Enam kini terlalu padat di mana pelajar-pelajar perlu menjalankan penyelidikan bagi menyelesaikan projek mereka selepas waktu persekolahan biasa. Ini menyebabkan masa yang ada untuk menggantikan kelas adalah terhad. Perkara ini menjadi masalah terutama bagi guru-guru yang perlu keluar bertugas sebagai contoh jurulatih utama (JU) atau fasilitator PBS untuk subjek-subjek tertentu. Mereka perlu kerap keluar untuk menghadiri kursus dan menjalankan pemantauan justeru menyebabkan kesukaran untuk menghabiskan silibus pada waktu yang ditetapkan (Zainul Alifah, komunikasi peribadi, 22 Januari, 2013). Sebelum sistem penggal diperkenalkan, guru-guru mengatasi masalah ini dengan sering menggunakan waktu cuti pertengahan atau akhir tahun untuk menghabiskan silibus. Namun begitu, keadaan berbeza dalam sistem penggal ini kerana peperiksaan dijalankan pada setiap penggal iaitu pada atau sebelum cuti pertengahan dan cuti akhir tahun. Maka, masa yang ada untuk melaksanakan pengajaran dan menghabiskan silibus semakin terbatas. Keadaan juga menjadi lebih sukar apabila bukan mudah untuk mencari guru ganti yang boleh mengajar mata pelajaran Tingkatan Enam disebabkan skopnya yang lebih luas, sukar dan mencabar. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa salah satu masalah yang timbul dalam melaksanakan sepenuhnya pengajaran Tingkatan Enam ini adalah kekangan waktu untuk menghabiskan silibus pada setiap penggal dan kesukaran mencari waktu yang sesuai untuk mengadakan kelas-kelas tambahan.

Selain daripada itu, pelaksanaan pengajaran guru-guru Tingkatan Enam sering terganggu kerana menghadapi masalah beban tugas yang tinggi. Ini adalah kerana guru-guru Tingkatan Enam perlu menjalankan PBS di mana evidens atau data yang dikumpul hanya sempat disemak di luar waktu persekolahan (Hasimah, komunikasi peribadi, 22 Januari, 2013). Mereka menjadi lebih terbeban apabila terpaksa melaksanakan kerja-kerja perkeranian. Sebagai contoh guru-guru Tingkatan Enam perlu menyediakan laporan audit akademik, mengisi buku laporan akademik pelajar, menyediakan pelan-pelan tindakan, pelan-pelan strategik, memasukkan maklumat pelajar ke dalam Sistem Maklumat Murid (SMM), memasukkan maklumat disiplin pelajar ke dalam Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM) dan pelbagai lagi tugas yang di luar bidang hakiki mereka iaitu mengajar. Beban tugas mereka akan lebih bertambah jika terpaksa mengajar kelas-kelas bukan Tingkatan Enam lebih-lebih lagi jika melibatkan kelas-kelas peperiksaan. Ini secara tidak langsung mengganggu pelaksanaan sepenuhnya pengajaran Tingkatan Enam. Walaupun tidak ada kajian terperinci tentang beban tugas guru Tingkatan Enam dijalankan, namun kajian yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Menangani Beban Tugas Guru yang diketuai oleh Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Amrin Buang boleh dijadikan panduan. Menurut kajian tersebut, guru-guru di Selangor, Melaka, Johor dan Kuala Lumpur menanggung beban kerja berlebihan iaitu bekerja 74 jam seminggu berbanding 48 jam yang dihadkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) (\_\_\_\_\_, 2006). Di sini dapat dilihat bahawa bebanan kerja yang ditanggung oleh guru di empat buah negeri ini melangkaui apa yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian beban tugas ini disokong kajian yang telah dilakukan oleh Abdull Sukor, Abd Rahim dan Mohamad Yazid (2006). Kajian ini telah dijalankan di 15 buah sekolah rendah di daerah Kota Setar, Kedah di mana statistik menunjukkan bahawa guru-guru didapati menggunakan sebanyak 84.26 jam seminggu untuk menjalankan tugas rutin dan bermusim iaitu sebanyak 52.40 jam (62.19%) bagi tugas akademik dan 31.86 jam (37.81%) bagi tugas bukan akademik. Secara puratanya, guru-guru menggunakan sebanyak 10.21 jam sehari untuk menjalankan tugas akademik rutin dan 5.86 jam sehari untuk tugas bukan akademik secara rutin. Di sini menunjukkan bahawa guru-guru terpaksa membawa sebahagian daripada tugas mereka pulang ke rumah seperti menanda hasil kerja murid, menyediakan bahan

bantu mengajar, menulis laporan guru bertugas dan sebagainya. Waktu kerja ini belum lagi mengambil kira tugas bermusim seperti menyediakan dan menanda kertas-kertas peperiksaan. Apabila tiba waktu peperiksaan, maka bertambahlah beban guru sehingga kadangkala terpaksa mengorbankan waktu cuti sekolah dan cuti hujung minggu bagi menyiapkan tugas yang diberikan sebelum tarikh akhir yang ditetapkan oleh sekolah, PPD mahupun jabatan. Dapatan kajian ini boleh digunapakai untuk menunjukkan bahawa beban tugas guru-guru Tingkatan Enam adalah tinggi kerana apa yang berlaku kepada guru-guru di Kedah ini turut berlaku kepada guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam.

Di samping itu, ada juga guru-guru Tingkatan Enam yang terlibat dengan pengurusan makmal dan bilik PBS. Menguruskan makmal dan bilik PBS boleh menjadi beban tambahan kepada guru-guru Tingkatan Enam jika mereka masih perlu melakukan kerja-kerja perkeranian dan bertugas di luar sekolah sehingga mengganggu pelaksanaan pengajaran. Hal ini disokong oleh Nur Hazwani (2010) dalam kajiannya tentang beban guru dalam pengurusan bengkel Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah menengah di daerah Tumpat, Kelantan. Dalam kajian ini, Nur Hazwani mendapati bahawa beban tugas guru masih pada tahap tinggi. 66.56% responden bersetuju dengan perkara yang diutarakan di mana beban guru Kemahiran hidup terhadap pengurusan bengkel semakin bertambah. Ini dilihat daripada reaksi responden yang terpaksa melakukan kerja perkeranian, sukatan pelajaran yang sering berubah, menyelesaikan masalah rakan setugas semasa amali berjalan, terlibat dengan aktiviti kokurikulum dan tugas luar. Tugas di luar seperti aktiviti kokurikulum atau kursus-kursus yang perlu dihadiri menjadikan guru-guru Tingkatan Enam yang menguruskan makmal atau bilik PBS tidak dapat melaksanakan sepenuhnya pengajaran pada masa yang ditetapkan.

Berdasarkan kajian-kajian tentang beban tugas guru yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa isu beban tugas guru merupakan isu global dalam sistem pendidikan kini yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Ia merupakan salah satu masalah yang perlu dikaji secara serius dalam Tingkatan Enam kerana pada dasarnya beban tugas yang dihadapi oleh guru-guru adalah sama tidak kira sama ada mereka

mengajar Tingkatan Enam mahupun arus perdana dan boleh mengganggu pelaksanaan sepenuhnya pengajaran di sekolah.

Daripada beban tugas yang dihadapi, guru-guru Tingkatan Enam juga mengalami tekanan apabila diberikan terlalu banyak kerja. Ini adalah disebabkan wujud ketikanya guru-guru Tingkatan Enam diberikan tanggungjawab yang berat dalam waktu yang terhad sebagai contoh disebabkan terlalu banyak kerja, guru-guru terpaksa mengadakan kelas-kelas tambahan pada waktu malam dan hujung minggu untuk menghabiskan silibus dalam masa yang ditetapkan. Dalam pada itu, kandungan yang terdapat dalam silibus Tingkatan Enam bukanlah sesuatu yang mudah untuk disempurnakan jika dibandingkan dengan kadungan silibus tingkatan-tingkatan yang lain. Penyataan ini disokong oleh Lau Chai Wee yang mengakui apabila pengajaran beliau terganggu, beliau merasa tertekan akibat perlu menghabiskan silibus yang luas pada masa yang suntuk dan soalan-soalan yang keluar dalam peperiksaan STPM sebenar semakin susah saban tahun (komunikasi peribadi, 30 November, 2012). Penulisan oleh Mahmood Nazar dan Sabitha (1996) turut menyokong kenyataan ini di mana mereka membuat satu kesimpulan iaitu tekanan boleh wujud dalam diri setiap individu apabila mereka diberikan terlalu banyak kerja atau tanggungjawab dalam masa yang terhad dan kerja-kerja yang diberikan itu sangat sukar dan rumit untuk dilaksanakan. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Rosni Zamuddin Shah dan Siti Fatimah (2010) yang menunjukkan bahawa guru-guru merasa tertekan apabila perlu menanda terlalu banyak kertas peperiksaan. Di sini jelas menunjukkan bahawa tekanan yang dihadapi oleh guru-guru akibat beban tugas yang tinggi boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah.

Selain daripada masalah-masalah yang telah dinyatakan, ada segelintir guru Tingkatan Enam menghadapi masalah kerana mengajar Tingkatan Enam akibat terpaksa walhal mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang yang diarahkan. Mereka dipilih hanya kerana perlu mengisi kekosongan yang ada di sekolah (Zainul Alifah, komunikasi peribadi, 22 Januari, 2013). Ini mengakibatkan ada pula guru-guru yang telah lama mengajar dan mempunyai pengetahuan yang luas tetapi tidak

dilantik sebagai guru akademik Tingkatan Enam yang sah merasa disisihkan dan tidak dihargai (Jamaludin, komunikasi peribadi, 23 Januari, 2013). Justeru, hal ini merendahkan motivasi mereka dan menghalang pengajaran Tingkatan Enam yang berkualiti. Oleh yang demikian, guru-guru merasakan terdapat ketidakadilan daripada aspek pemilihan dan pelantikan guru-guru Tingkatan Enam sehingga boleh menjejaskan kredibiliti dan pengajaran mereka.

Walaupun belum terdapat kajian yang dijalankan secara terperinci tentang kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dalam sistem penggal yang baru diperkenalkan ini, kajian-kajian yang dijalankan berkaitan dengan sistem semester di kolej-kolej atau universiti boleh dijadikan panduan kerana pengajaran Tingkatan Enam adalah mirip kepada pengajaran dalam sistem semester yang diamalkan di kolej mahupun universiti. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Chavan (2012) membuatkan beliau menyimpulkan bahawa dalam apa keadaan sekalipun, pengajaran menggunakan sistem semester tidak patut diperkenalkan di kolej. Beliau berpendapat sistem semester hanya sesuai bagi subjek Bahasa jika jumlah pelajar dalam sesebuah kelas tidak melebihi 20 orang sahaja dan beban tugas guru diambil kira. Hal ini kerana guru-guru di kolej bukan sahaja perlu mengajar, malah turut terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang membebankan. Beliau turut mempersoalkan samada para pelajar mendapat keadilan jika penilaian yang dilakukan oleh guru meningkat dua kali ganda. Persamaan yang dapat dilihat antara kolej ini dan sistem persekolahan di Malaysia adalah apabila sistem penggal Tingkatan Enam diperkenalkan, guru-guru terpaksa melakukan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang menambah beban kerja guru di mana jumlah pelajar dalam satu-satu kelas biasanya melebihi 20 orang pelajar di samping guru-guru juga perlu melibatkan diri dalam bukan sahaja aktiviti kokurikulum, malah kerja-kerja perkeranian yang lain sehingga mengganggu pengajaran.

Walaupun terbukti terdapat masalah dalam sistem semester di luar negara, kita tidak boleh membuat kesimpulan bahawa masalah ini juga timbul dalam pengajaran Tingkatan Enam di negara kita. Banyak aspek yang perlu dikaji dan diambil kira sebelum membuat sesuatu kesimpulan yang khusus. Berdasarkan latar

belakang masalah yang telah disebutkan, adalah amat jelas bahawa dalam pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam, kesediaan guru amat penting. Faktor-faktor gangguan juga perlu dielakkan bagi mamastikan pengajaran Tingkatan Enam dapat dilaksanakan dengan baik. Menongkah arus globalisasi yang sangat sinonim dengan sistem pendidikan di negara ini, sistem pengurusan di sekolah telah menjadi satu wahana yang signifikan untuk perkembangan budaya bangsa .

### **1.3    Penyataan Masalah**

Pengajaran Tingkatan Enam merupakan elemen penting bagi menentukan kejayaan sesebuah sekolah yang mempunyai Tingkatan Enam. Terdapat pelbagai isu yang timbul dalam pengajaran sejak Tingkatan Enam diperkenalkan lama dahulu. Antara masalah-masalah yang dikenal pasti ialah kesediaan ilmu pengetahuan dan kesediaan kemahiran guru. Kesediaan guru dalam subjek yang diajar merupakan perkara pokok dalam pengajaran Tingkatan Enam. Apabila seseorang guru telah membuat persediaan dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, secara automatik guru tersebut mendapat keyakinan diri untuk mengajar dan mengendalikan kelasnya. Oleh kerana isi kandungan pelajaran Tingkatan Enam amat luas dan agak sukar berbanding tingkatan-tingkatan lain, maka kesediaan guru dilihat menjadi antara faktor kejayaan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam.

Pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam sepenuhnya turut terganggu jika isu untuk menghabiskan silibus pada masa yang ditetapkan tidak diberi perhatian. Masalah ini menjadi lebih ketara pada penggal kedua pengajaran Tingkatan Enam atau pada awal tahun persekolahan biasa disebabkan lambakan aktiviti-aktiviti sekolah. Selain itu, masalah ini juga bakal timbul jika seseorang guru terpaksa keluar dari sekolah disebabkan tugas-tugas rasmi, bercuti panjang mahupun berkursus. Ini adalah kerana untuk mencari guru ganti yang boleh mengajar Tingkatan Enam dengan baik adalah amat sukar disebabkan skop mata pelajaran yang lebih luas dan rumit manakala untuk mencari waktu yang sesuai bagi mengadakan kelas ganti juga adalah terhad.

Seterusnya antara masalah yang mengganggu pengajaran dan sistem pendidikan umumnya serta telah sekian lama dibincangkan adalah beban tugas guru. Bagi guru-guru Tingkatan Enam, beban tugas semakin hari semakin bertambah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam pengurusan sistem penggal. Bertitik tolak daripada isu beban tugas, guru mungkin menghadapi masalah tekanan (*stress*) dalam situasi kelebihan kerja secara kuantitatif dan kelebihan kerja secara kualitatif. Jika masalah beban tugas ini tidak dibendung, semakin ramai guru terutamanya yang berada di Tingkatan Enam bakal mengalami tekanan yang tinggi justeru mengganggu pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam.

Pengajaran dalam sistem penggal atau semester yang mirip kepada sistem semester di kolej dan universiti turut menimbulkan masalah kepada guru untuk melaksanakan pengajaran jika sistem ini tidak dilaksanakan dengan efisien. Walaupun tidak banyak kajian dilakukan tentang sistem semester ini, namun ia dirasakan perlu pada ketika ini bagi memastikan pelaksanaannya semakin berkesan dari sehari ke sehari. Justeru, masalah yang bakal timbul dalam pengajaran perlu diambil perhatian oleh pihak pengurusan dan dibendung sedari awal pelaksanaannya bagi mengelakkan segala kerumitan yang bakal timbul.

Selain daripada itu, kriteria pemilihan atau lantikan guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam juga harus diperjelaskan. Ini adalah bagi mengelakkan timbul rasa tidak puas hati atau merendah diri di kalangan guru-guru samada yang lama dan berpengalaman mahupun guru-guru baru. Guru-guru akan lebih bersedia dan bersemangat dalam melaksanakan pengajaran apabila tahap motivasi mereka diberi perhatian. Dengan ini, semua guru dapat memastikan bahawa lebih mudah menjamin pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam di semua sekolah yang terbabit.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa disebabkan masalah-masalah yang timbul seperti di atas, kajian tentang kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam ini perlu dilakukan dan relevan dengan sistem persekolahan Tingkatan Enam kini bagi membantu meningkatkan keberkesanan dan

kredibiliti pihak sekolah. Justeru itu, objektif kajian seperti yang dinyatakan di bahagian 1.4 di bawah ini ditentukan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi melihat tahap kesediaan guru Tingkatan Enam dalam aspek kesediaan ilmu pengetahuan guru dan kesediaan kemahiran guru serta perkara yang boleh dilakukan bagi meningkatkan tahap kesediaan guru. Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat perkara-perkara yang menghalang pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dan cara pihak pengurusan mengatasinya.

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

- i) Mengetahui pasti tahap kesediaan guru-guru Tingkatan Enam untuk melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula di sekolah menengah daerah Muar.
- ii) Mengetahui pasti perkara-perkara yang boleh meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula.
- iii) Mengetahui pasti perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula.
- iv) Mengetahui pasti halangan-halangan dalam pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik oleh guru-guru.
- v) Mengetahui perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam.



## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian di atas maka persoalan-persoalan seperti berikut diutarakan.

- i) Sejauhmanakah kesediaan guru-guru Tingkatan Enam untuk melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula di sekolah menengah daerah Muar?
- ii) Apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah menengah daerah Muar?
- iii) Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan kesediaan guru-guru bagi melaksanakan pengajaran sebelum penggal pengajian Tingkatan Enam bermula di sekolah menengah daerah Muar?
- iv) Apakah yang menghalang guru-guru daripada melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik?
- v) Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah menengah daerah Muar?

## 1.6 Kepentingan kajian

Kajian tentang pengurusan sesebuah organisasi telah banyak dijalankan samada di dalam mahupun di luar negara. Kajian-kajian tersebut merangkumi pelbagai aspek dan skop di mana pengurusan sekolah juga tidak terkecuali. Antara kajian yang telah dijalankan adalah seperti pengurusan disiplin, pengurusan kualiti, pengurusan kokurikulum dan pengurusan akademik termasuklah kajian tentang pengajaran dan pembelajaran. Kajian tentang pelaksanaan pengajaran di sekolah adalah penting terutamanya dalam skop kesediaan guru kerana aspek ini merupakan nadi utama dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan di negara kita.

Walau bagaimanapun, kajian tentang Tingkatan Enam amat jarang ditemui. Jikalau ada pun, kebanyakannya merujuk kepada pengurusan pelajar-pelajar Tingkatan Enam tetapi sangat kurang yang mengkaji tentang kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam walhal sistem pendidikan Tingkatan Enam ini telah beroperasi sejak lebih daripada 30 tahun yang lalu. Seiring dengan anjakan paradigma dan perubahan dalam sistem pendidikan Tingkatan Enam dalam dekad-dekad mutakhir ini, kajian tentang kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dirasakan sangat perlu dan bertepatan dengan masanya.

Dalam mendepani arus globalisasi sistem pendidikan di negara ini, semua pihak yang terbabit perlu mengambil inisiatif untuk memulakan langkah pertama dalam apa jua bidang penyelidikan. Sebagai contoh, walaupun kajian tentang Tingkatan Enam dari sudut kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran kurang dijalankan, penyelidik perlu berani menghadapinya untuk menggalakkan lebih banyak penyelidikan seumpamanya dilakukan pada masa-masa akan datang.

Secara khususnya, kajian ini penting dan perlu diperbanyakkan supaya:

- i) Membolehkan guru-guru Tingkatan Enam di negara ini merenung kembali tahap kesediaan mereka sebelum masuk ke kelas.
- ii) Membantu guru-guru mengenal pasti amalan yang boleh meningkatkan tahap kesediaan mereka.
- iii) Membolehkan pihak pengurusan melakukan perkara-perkara yang boleh membantu guru-guru meningkatkan kesediaan sebelum sesi pengajaran.
- iv) Membantu guru-guru, pihak pengurusan sekolah, pihak PPD dan Jabatan Pelajaran mengenal pasti masalah-masalah dan gangguan yang menjejaskan pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam di sekolah.
- v) Membuka mata pihak pengurusan sekolah, PPD, Jabatan Pelajaran dan Kementerian terhadap permasalahan yang berlaku di kalangan guru-guru Tingkatan Enam serta menyediakan jalan penyelesaian yang bersesuaian.

- vi) Menyumbang kepada keberkesanan kurikulum Tingkatan Enam dan sistem pendidikan di Malaysia umumnya.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini agak terbatas kerana ia hanya melibatkan guru-guru Tingkatan Enam di daerah Muar sahaja. Oleh yang demikian, dapatan kajian tidak semestinya menggambarkan semua guru Tingkatan Enam di negeri Johor apatah lagi guru-guru Tingkatan Enam seluruh Malaysia. Selain daripada itu, kajian ini hanya merujuk kepada pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam dan kesediaan guru. Justeru, kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan pengurusan sistem persekolahan Tingkatan Enam.

Di samping itu, kajian ini juga terbatas kerana tidak mengambil kira aspek demografi guru-guru Tingkatan Enam. Dapatan kajian juga bergantung sepenuhnya kepada maklum balas responden dalam memberikan jawapan yang jujur tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Perbincangan dan dapatan kajian bukanlah sesuatu yang tetap dan muktamad malah boleh diperbanyakkan dari semasa ke semasa.

## **1.8 Definisi Operasional**

Definisi operasional merujuk kepada istilah-istilah, pernyataan atau konsep yang digunakan mengikut skop kajian ini. Berikut merupakan beberapa istilah dan pernyataan yang digunakan.

### **1.8.1 Pengajaran Tingkatan Enam**

Pengajaran mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) ialah perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain).

Tingkatan Enam adalah sistem persekolahan bagi pelajar-pelajar yang telah menamatkan persekolahan sehingga Tingkatan Lima dan telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai persediaan sebelum mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di universiti.

Pengajaran Tingkatan Enam dalam kajian ini pula merujuk kepada pelaksanaan pengajaran semasa guru-guru berada di dalam kelas Tingkatan Enam.

### **1.8.2 Guru-guru Tingkatan Enam**

Guru-guru Tingkatan Enam dalam konteks kajian ini merujuk kepada semua guru yang mengajar kelas Tingkatan Enam di daerah Muar tanpa mengira sama ada guru-guru tersebut telah dilantik atau belum dilantik sebagai guru Tingkatan Enam secara hakiki.

### **1.8.3 Kesediaan Guru**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan, kerelaan. Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru merujuk kepada tahap kesediaan guru sebelum penggal pengajaran Tingkatan Enam bermula dari sudut kesediaan ilmu pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran.

#### **1.8.4 Pelaksanaan Pengajaran**

Pelaksanaan pengajaran dalam konteks kajian ini merujuk kepada pelaksanaan pengajaran Tingkatan Enam yang dapat dilakukan dengan baik di dalam kelas oleh guru-guru Tingkatan Enam.

#### **1.8.5 Perkara-perkara Yang Boleh Dilakukan oleh Pihak Pengurusan**

Perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan merujuk kepada cadangan bagaimana pihak pengurusan boleh membantu meningkatkan tahap kesediaan guru-guru Tingkatan Enam.

#### **1.8.6 Halangan Dalam Melaksanakan Pengajaran Tingkatan Enam Dengan Baik**

Halangan dalam konteks kajian ini merujuk kepada segala masalah atau perkara-perkara yang boleh mengganggu guru-guru melaksanakan pengajaran Tingkatan Enam dengan baik.

#### **1.8.7 Guru-guru Baharu**

Guru-guru baharu merujuk kepada golongan guru yang baru mengajar di Tingkatan Enam.

### **1.8.8 Beban Tugas**

Raja Maria Diana (2011) mentafsirkan beban tugas sebagai jumlah tugas yang perlu dikerjakan oleh proses atau sistem dalam tempoh tertentu. Dalam konteks kajian ini, beban tugas merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan pentadbiran.

### **1.8.9 Arus Perdana**

Dalam konteks kajian ini, arus perdana merujuk kepada pengurusan selain Tingkatan Enam iaitu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di sekolah.

### **1.8.10 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merujuk kepada salah satu elemen dalam pentaksiran baharu STPM yang diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam pada tahun 2012.

### **1.8.11 Sistem Modular**

Sistem Modular merujuk kepada sistem STPM baharu di mana pengajaran Tingkatan Enam dijalankan mengikut sistem penggal dengan peperiksaan berjalan pada setiap akhir penggal.

## 1.9 Penutup

Bab ini membincangkan secara terperinci tentang kajian yang akan dijalankan. Dalam pengenalan, penyelidik membincangkan dan memperkenalkan secara ringkas tentang pemboleh ubah utama kajian iaitu pengajaran Tingkatan Enam. Latar belakang masalah pula menerangkan tentang permasalahan yang timbul dalam pengajaran Tingkatan Enam daripada aspek kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran hingga perlunya kajian dijalankan manakala penyataan masalah adalah ringkasan daripada permasalahan yang wujud. Terdapat lima objektif kajian yang perlu dicapai oleh penyelidik pada akhir penyelidikan dan lima persoalan kajian yang perlu dijawab bagi membantu kelancaran penyelidikan. Dalam bab ini juga dinyatakan kepentingan bagi menjalankan kajian tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat batasan-batasan dalam kajian yang menjadikan perbincangan dan dapatan kajian ini tidak tetap dan boleh berubah pada masa-masa akan datang. Penambahbaikan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan kajian-kajian di masa akan datang memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

## RUJUKAN

- Abdul Malek Bin Ismail (2004). *Beban tugas guru sekolah kebangsaan kawasan zon Tiram daerah Johor Bahru*. (Tesis Sarjana Muda Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Dicapai daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdf/fail/ptkghdfwP/ABDMALEKBP010121D2004TTP.pdf>
- Abdull Sukor Shaari, Abd. Rahim Romle, dan Mohamad Yazid Kerya (2006). *Beban tugas guru sekolah rendah. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah*. Alson Kelana Resort, Seremban, 12-14 Februari. Dicapai daripada [http://repo.uum.edu.my/80/1/beban\\_tugas.pdf](http://repo.uum.edu.my/80/1/beban_tugas.pdf)
- Abdullah Sani Yahya (2003). *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah (2007). *Guru sebagai pemimpin*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Johari Sihes (2010). *Bab 11: Teori pembelajaran dalam psikologi pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai daripada <http://eprints.utm.my/10358/1/bab11.pdf>
- Akhiar Padi, Shamsina Shamsudin dan Muhammad Khushairi Jusoh (2012). *Asas kepimpinan & perkembangan profesional guru*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.



Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2008). Penjenamaan semula dan konsep baru pengurusan tingkatan 6 di sekolah menengah. *Kertas Cadangan Mesyuarat Profesional KPM*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Pembangunan Komuniti (2012). Sistem pentaksiran baharu STPM. *Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional*. Dicapai daripada [http://www.jpnin.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?p\\_1\\_id=10209&folderId=192248&name=DLFE-9509.pdf](http://www.jpnin.gov.my/c/document_library/get_file?p_1_id=10209&folderId=192248&name=DLFE-9509.pdf)

Blandford, S. (1996). *Panduan pengurus peringkat pertengahan di sekolah*. (Bahariah Yusof, Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.

Center For The Study Of Teaching And Policy (2001). *Teacher preparation research: Current knowledge, gaps, and recommendations*. Washington, DC: Suzanne M. Wilson, Robert E. Floden and Joan Ferrini-Mundy.

Chavan, H. J. (2012). Thoughts on first year syllabus of compulsory English. *Indian Streams Research Journal*, 2(10), 1-9.

Darlington, Y. and Scott, D. (2002). *Qualitative research in practice stories from the field*. Australia: Allen & Unwin.

Harris, J. M. (1997). *Kemahiran penyampaian untuk guru*. (Rohani Sulaiman, Trans.) . Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.

Hussein Bin Haji Ahmad (1991). Pengurusan organisasi institusi yang efektif dalam menghadapi cabaran wawasan 2020. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 2(1), 2-15.

Ishak Bin Sin dan Nor Asikin Salleh (2003). Era globalisasi: Pendidikan dan cabaran. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 13(01), 14-28.

Jabatan Pelajaran Perak (2009). *Taklimat garis panduan pengurusan tingkatan 6 2009* [Slide Power Point]. Dicapai daripada

<http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=taklimat%20garis%20panduan%20pengurusan%20tingkatan%206%202009&source=web&cd=1&cad=rja&ved=0CCkQFjAA&url=http%3A%2F%2Fsmkserian.com%2Fupload%2520file%2FTAKLIMAT%2520GARIS%2520PANDUAN%2520PENGURUSAN%2520T6%25202009%5B1%5D.ppt&ei=8AO9UeH2F43MrQeiqoG4BA&usg=AFQjCNERGF1iSyfM50RCWr00zfkEyi0yag>

Jamaliah Abdul Hamid dan Norashimah Ismail (2005). *Pengurusan & kepimpinan pendidikan: Teori, polisi dan pelaksanaan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Jamilah Binti Hussain (2012). *Peranan latihan dalam perkhidmatan dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah menengah daerah Segamat*. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Dicapai daripada

[http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/Tb\\_psm\\_list\\_Detail.asp?key=%7B4F7AA37B-4E43-468C-8E8D-990F2B88E1D4%7D](http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/Tb_psm_list_Detail.asp?key=%7B4F7AA37B-4E43-468C-8E8D-990F2B88E1D4%7D)

Kalsom Binti Salleh (2008). *Implikasi latihan dalaman kepada guru-guru sekolah rendah*. (Tesis Sarjana Muda Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Dicapai daripada

<http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdf/fail/ptkghdfwP/KALSOMBMP060079D2008TTP.pdf>

Kamaruzzaman Bin Ayub dan Radziah Bt Abd Rahman (2011). Meningkatkan penggunaan peralatan ICT guru-guru di empat buah sekolah rendah dengan bantuan juruteknik komputer Pusat Kegiatan Guru Port Dickson. *Jurnal Pembastarian Sekolah 2010*, 1, 89-103.

*Kamus Dewan* (Edisi Ketiga). (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (2013, April). Kaji selidik prasarana ICT di sekolah. *Guru Malaysia*, 04, 3.

Khairul Azran Hussin (2010, April 1). Seksa jadi cikgu. *Berita Harian*. Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Seksajadicikgu/Article/>

Krejcie, R. V. and Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

Lee Ong Kim (1999). Penguasaan kemahiran IT untuk abad ke-21: Fokus kepada pengajaran-pembelajaran. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 09(02), 29-39.

Lim Yeong Chyng (2007). *Hubungan antara penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan profesionalisme guru di kalangan guru teknikal* (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Batu Pahat.

Lokman Bin Mohd Tahir dan Kalsom Binti Saleh (2011). *Implikasi latihan dalaman kepada guru-guru sekolah rendah*. Dicapai daripada [http://eprints.utm.my/11910/1/Implikasi\\_Latihan\\_Dalaman\\_Kepada\\_Guru.pdf](http://eprints.utm.my/11910/1/Implikasi_Latihan_Dalaman_Kepada_Guru.pdf)

Lokman Mohd. Tahir dan Mohd. Anuar Abd. Rahman (2011). *Orientasi kepimpinan pengetua sekolah*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Mahmood Nazar Mohamed dan Sabitha Marican (1996). *Hubungan manusia dalam organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Md Hasidin Bin Mohamad Zaini (2006). Pergerakan guru keluar sekolah semasa pengajaran dan pembelajaran: Satu analisis di sekolah-sekolah negeri Johor. *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-13*. Institut Aminuddin Baki, 04-08 Disember.

- Milan Tai Bt Abdullah (2007). Program pembestarian sekolah, Sekolah Tinggi Muar integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan PKPSM Kebangsaan*, 89-106.
- Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed (2006). *Tip pendidik cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohammad Zohir Ahmad dan Nordin Abdul Razak (2007). Pendidikan alam sekitar di sekolah: Komitmen guru. *Pendidikan Lestari*, DP. 7(2), 74-81.
- Mohammed Sani Ibrahim (2007). Strategi menginstitusikan program mentorani ke arah perkembangan kerjaya guru-guru novis di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-14*. Institut Aminuddin Baki, 25-27 Jun.
- Mohd Izar Kasturi Bin Ibrahim (2009). *Penguasaan kemahiran pedagogi dan isi pelajaran guru pelatih sains fakulti pendidikan UTM*. (Tesis Sarjana Muda Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Dicapai daripada <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdfail/ptkghdfwP/IZARAP050398D2009TTP.pdf>
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Roselan Baki dan Saifuddin Kumar Abdullah (2012). *Amalan penilaian guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang (2012). *Prinsip teras pengajaran & pembelajaran II*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Naffi Mat (2011). *Dilema guru: Kerjaya yang saya pilih, bukan dipilih*. Kuala Lumpur: Tintarona Publications Sdn Bhd.

Najeemah Md. Yusof (2006). *Konsep pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Nelson, I. (1997). *Pengurusan masa untuk guru*. (Anuar Ayub, Trans.) . Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.

Norani Othman. (2000). *Malaysia menangani globalisasi: Peserta atau mangsa?*. Norani Othman & Sumit, K. M. (Eds.) . Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norashidah Hashim, Norasmah Othman dan Noraishah Buang (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.

Norasiah Binti Abdullah, Nor Risah Jamilah Binti Mat Lazim dan Rosnah Binti Ahmad Zain (2013). *Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Norizan Abdul Muhid (2012, Oktober 29). Pelaksanaan PBS tidak bebaskan guru. *Utusan Malaysia*. Dicapai daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20121029/pe\\_01/Pelaksanaan-PBS-tidak-bebankan-guru](http://www.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20121029/pe_01/Pelaksanaan-PBS-tidak-bebankan-guru)

Norliza Abdullah (2012, Mac 9). STPM baharu mampu bentuk pembelajaran ala kampus. *Berita Harian*. Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/STPMbaharumampubentukpembelajaranpelajaralakampus/Article>

- Nur Hazwani Bt Mohd Ariffin (2010). *Beban guru dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup sekolah di sekolah-sekolah menengah daerah Tumpat, Kelantan*. (Jurnal Ilmiah Tidak Diterbitkan). Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Omar Abdullah Kareem (2001). Pengetua: Dinamika pengurusan sumber manusia di sekolah. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 11(02), 37-53.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan sekolah: Suatu panduan lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Penyelidikan, Inovasi dan Pedagogi IPG Kampus Ipoh (2009). *Refleksi teori pelaziman operan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Dicapai daripada [http://ipgipoh.info/research/index.php?option=com\\_content&view=article&id=64:reflazimoperan&catid=35:pedagogipsikologi](http://ipgipoh.info/research/index.php?option=com_content&view=article&id=64:reflazimoperan&catid=35:pedagogipsikologi)
- Rahimah Ghazali (2013). *313 kod rahsia guru super*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd.
- Raja Maria Diana Bt Raja Ali (2011). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja ( stres ) di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Pasir Puteh*. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Terbuka Malaysia, Kuala Lumpur. Dicapai daripada [http://eprints.oum.edu.my/666/1/faktor\\_raja\\_maria.pdf](http://eprints.oum.edu.my/666/1/faktor_raja_maria.pdf)
- Rajendran, N.S. (2001). Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kediaan guru mengendalikan proses pengajaran pembelajaran. *Kertas Kerja Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster 'Warisan-Pendidikan-Wawasan'*. Kementerian Pelajaran Malaysia, 01- 02 Ogos.
- Research Randomizer (2013). Research Randomizer Results. Dicapai daripada <http://www.randomizer.org/form.htm>

Rosni Zamuddin Shah Bin Sidek & Siti Fatimah Bt Mohamed Salleh (2010). *Kesediaan guru sekolah menengah di daerah kota baharu dalam melaksanakan sistem penilaian prestasi pelajar berasaskan sekolah*. (Artikel Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Dicapai daripada [http://eprints.utm.my/10502/1/KESEDIAAN\\_GURU\\_SEKOLAH\\_MENENGAH\\_DI\\_DAERAH\\_KOTA\\_BAHARU.pdf](http://eprints.utm.my/10502/1/KESEDIAAN_GURU_SEKOLAH_MENENGAH_DI_DAERAH_KOTA_BAHARU.pdf)

Rusmini Bt Ku Ahmad (2004). Keberkesanan sekolah: Satu tinjauan dari aspek kepimpinan, kompetensi guru dan amalan pengurusan terbaik. *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-12*. Institut Aminuddin Baki, 14-17 Julai.

Rusmini Ku Ahmad (2003). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 13(01), 82-91.

Ruzita Selamat, Ungku Norulkamar Ungku Ahmad, Noor Zainab Abd Razak, Lokman Ali, Azian Abd Aziz, Fauziah Sheikh Ahmad & Aminah Ahmad Khalid (2004). Kajian ke atas persekitaran pengajaran dan pembelajaran fakulti pengurusan dan pembangunan sumber manusia: Ke arah pembentukan persekitaran yang optimum dalam mencapai kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran. Dicapai daripada <http://eprints.utm.my/3778/1/RUZITASELAMAT75012.pdf>

Sabitha Marican (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. (Artikel Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dicapai daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/159.pdf>

- Salleh Abd. Rashid (2003). Pemikiran profesional keguruan terhadap kurikulum dan pengajaran. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003*. Institut Pendidikan Guru Batu Lintang, 19-20 Ogos. Dicapai daripada <http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2003/sallehUMSkk.pdf>
- Schempp, P. G., Manross, D., Tan, S. K. S., & Fincher, M. D. (1998). Subject expertise and teachers' knowledge. *Journal Of Teaching In Physical Education*, 17, 342-356.
- Stefkovich, J. A. & Silverman, M. L. (1995). *New teacher on the block*. Cooper, J. M. (Ed.) . Massachusetts 02194: Allyn & Bacon.
- Sufa'at Bin Tumin (2009). *Taklimat Pengurusan Pra Universiti: Peranan dan tanggungjawab guru pra universiti* [Slide Power Point]. Jabatan Pelajaran Johor.
- Suto, I., & Shaw, S. (2010). How well can teachers assess pre-university students' research reports? Findings from an empirical study. *Paper presented at the European Conference for Educational Research*. Helsinki, Finland. August. Retrieved from <http://www.cambridgeassessment.org.uk/images/111976-how-well-can-teachers-assess-pre-university-students-research-reports-findings-from-an-empirical-study.pdf>
- Tamby Subahan Mohd. Meerah (1999). *Dampak penyelidikan pembelajaran sains terhadap perubahan kurikulum*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Turin bin Ahmad (2002). Program terancang 'Kelas tanpa guru subjek'. *Kertas kerja Kolej Sultan Abdul Hamid*. Kertas kerja Kolej Sultan Abdul Hamid, 30 Mei. Dicapai daripada



[http://www.kedah.edu.my/sahc/esei\\_karya/Microsoft%20Word%20-%20PROGRAM%20TERANCANG.pdf](http://www.kedah.edu.my/sahc/esei_karya/Microsoft%20Word%20-%20PROGRAM%20TERANCANG.pdf)

Unit Komunikasi Korporat (2012, Mac 8). STPM format baharu bagi tahun 2012. *Kementerian Pelajaran Malaysia*. Dicapai daripada <http://buletinkpm.blogspot.com/2012/03/stpm-format-baharu-bagi-tahun-2012.html>

Unit Pengurusan Tingkatan Enam (2009). Garis panduan pengurusan tingkatan 6. *Kementerian Pelajaran Malaysia*.

Wikipedia (2013). *Edward Thorndike*. Dicapai daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Edward\\_Thorndike](http://en.wikipedia.org/wiki/Edward_Thorndike)

Yahya bin Buntat, Zakaria Mohd. Yusof & Meor Ibrahim Kamaruddin (2006). Kemahiran employability: Tanggapan guru terhadap penerapannya di sekolah satu kajian kes. *Annual Conference on Teacher Education*. Kota Kinabalu, Sabah, 6-8 September.

\_\_\_\_\_ (2006). Program akademik SMK SANZAC. *Sekolah Menengah Kebangsaan SANZAC Kota Kinabalu*. Dicapai daripada <http://www.sabah.edu.my/SMSNZC/program.htm#AKADEMIK>

\_\_\_\_\_ (2006, Jan 9). Tiada arahan standard punca kecelaruan tugas guru. *Berita Harian*. Dicapai daripada [www.nib.my/archives/text/view/29546263?pos=15&hide\\_header=1&resultset=nstpec%3Awww/cross-search/search.php%3A\\_1372267397%3Aresultset](http://www.nib.my/archives/text/view/29546263?pos=15&hide_header=1&resultset=nstpec%3Awww/cross-search/search.php%3A_1372267397%3Aresultset)

\_\_\_\_\_ (2008, Jun 16). Cadang ubah kaedah pengajaran tingkatan enam. *Utusan Malaysia*. Dicapai daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0616&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0616&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm)

- \_\_\_\_\_ (2012). Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM): Garis panduan umum pengurusan dan pengendalian pentaksiran berasaskan sekolah Tingkatan Enam. *Majlis Peperiksaan Malaysia*. Dicapai daripada <http://www.mpm.edu.my/web/guest/panduan-umum-pbs>
- \_\_\_\_\_ (2012, Mac 16). *Sistem Pentaksiran Baharu STPM*. Selangor Darul Ehsan: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (2012, Mac 7). STPM guna sistem penilaian baru tahun ini. *Sinar Harian*. Dicapai daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/stpm-guna-sistem-penilaian-baru-tahun-ini-1.30231>
- \_\_\_\_\_ (2013, Mei 20). Berani lakukan anjakan pemikiran: Guru berperanan sebagai medium penjana ilmu, sekaligus melahirkan masyarakat berpendidikan. *Harian Metro*.